

360 pelajar, guru sertai Boost Camp @ UniSZA



Tetamu kenamaan bergambar bersama peserta Boost Camp @ UniSZA.

GONG BADAK – Seramai 360 pelajar dan guru terpilih mengikuti Program Latihan Akademik Empower Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Peserta bagi program yang dikenali sebagai Boost Camp @ UniSZA itu melibatkan penyertaan dari sekolah di Kemaman, Marang, Dungun dan Hulu Terengganu.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi dan Transformasi negeri, A. Latiff Awang berkata, kerajaan negeri menyambut baik usaha yang dilakukan itu dan mengalu-alukan lebih ramai pihak untuk terlibat bagi melahirkan lebih ramai pelajar cemerlang.

“Dari perhatian saya, program Empower

ECER ini memang membawa kemajuan dan perubahan positif kepada penduduk di Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

“Apa yang lebih membanggakan lagi, saya juga difahamkan bahawa Program Latihan Akademik Empower ECER ini telah memberi manfaat kepada 6,946 pelajar miskin di Terengganu sejak ia dilancarkan pada 2011 sehingga kini.

“Program ini telah banyak membantu pelajar yang mempunyai prestasi sederhana dan lemah dalam akademik. Bimbingan yang diberikan bukan sahaja dari segi pendidikan tapi juga melalui anjuran program-program insaniah seperti yang diarjurkan pada kali ini,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian penutup Boost Camp @ UniSZA di Kampus Gong Badak, di sini.